

ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN MEMILIKI KAITAN RAPAT DENGAN ADAT YANG ADA DI MINANGKABAU, TERUTAMANYA DI KAWASAN 50 KOTO DAN JUGA TANAH DATAR, IAITU TEMPAT ASAL MEREKA DAN MENGADAKAN SUKU DI NEGERI SEMBILAN MENGIKUT NAMA ASAL TEMPAT MASING-MASING.

Penulisan ini berkisar tentang undang-undang Adat Perpatih yang terdapat dalam *Tambo Alam Minangkabau* yang manuskripnya bertarikh tahun 1822. Naskhah ini adalah kepunyaan dan koleksi warisan keluarga Encik Khairuddin Haji Khudri yang mempunyai 18 lembaran (bergulung) yang bersambung. Setiap lembaran 18 inci panjangnya dan panjang keseluruhan naskhah ini adalah 252 inci, bersamaan dengan 21 kaki.

Pada asalnya, manuskrip ini disimpan dengan keadaan bergulung dalam sebatang buluh. Kemudiannya, disimpan di dalam sebuah bekas kedap udara bersama-sama surat pengenalannya sekali. Surat ini sangat penting sebagai


langkah pengenalannya. Manuskrip ini juga ada menyebut beberapa kerajaan yang terpenting di Alam Melayu.

Manuskrip *Tambo Alam Minangkabau* ini adalah berasal daripada Haji Khudri Haji Tahir, iaitu bapa kepada Encik Khairuddin yang semasa kecilnya telah dihantar ke Madrasah Al Junaid, Singapura, untuk menyelamatkan diri daripada ancaman Belanda pada masa tersebut. Kampung asalnya di Sibolga dan keturunannya berasal dari Pariaman dan Bangkahulu. Dato Hitam, penguasa di Sibolga juga merupakan daripada keturunan beliau.

Tambo seperti ini turut didapati di Nanning, Melaka yang

Undang-undang Adat Perpatih

dalam *Tambo Alam Minangkabau*



Isi kandungan tambo yang dikaji.

bertarikh tahun 1897. Hal ini jelas membuktikan asal usul manuskrip tambo ini dan sememangnya layak untuk dijadikan rujukan, terutama dalam adat Perpatih di Negeri Sembilan, untuk menjejaki asal adatnya.

Asal Usul Adat Perpatih Negeri Sembilan

Menurut manuskrip *Tambo Alam Minangkabau*, Raja Iskandar Zulkarnain telah berkahwin dengan Puteri Raja Rom dan telah melahirkan tiga orang putera. Maharaja Dipang menjadi raja di negara China. Maharaja Alif menjadi raja di Eropah terutama di Rom dan Maharaja Diraja pula menjadi raja di Tanah Jawi, iaitu Alam Melayu.

Mereka berkembang sejak dahulu sehinggalah ke anak cucu-cicit sekarang ini, dan membentuk masyarakat dan adatnya sendiri dalam masyarakat Alam Minangkabau sehingga pada satu

tahap, keturunan mereka merantau hingga ke Negeri Sembilan pada abad ke-14. Perjalanan itu terus ke Nanning dan berpecah ke Rembau, Johol, Ulu Muar, Gunung Pasir, Terachi dan Jempol. Sewaktu berada di Negeri Sembilan, mereka menamakan suku yang dianuti berdasarkan nama tempat mereka datang.

Masyarakat Minangkabau yang menganut adat Perpatih di Negeri Sembilan melazimkan hidup bersuku-suku. Perkataan “suku” itu bermakna keluarga atau kaum. Dahulukala, apabila adat Perpatih mula disusun dan dikuatkuasakan di Minangkabau, penduduk negeri itu terpaksa dibahagikan kepada empat pecahan, iaitu Bodi, Caniago, Koto dan Piliang. Setiap satu daripada pecahan itu dipanggil suku atau seperempat daripada yang seluruhnya. Maka itu, keempat-empat suku itu merupakan suku

asal Minangkabau. Suku Bodi dan Caniago cenderung kepada adat Perpatih, manakala suku Koto dan Piliang cenderung kepada adat Temenggung.


Sebelum menjalani Luak-Luak Nan Tigo, Dato Perpatih sudah memperluaskan daerah pusat kerajaan Dusun Tuo dengan membentuk persukuan-persukuan baharu arah ke timur Dusun Tuo dan melantik penghulunya. Antara suku yang diwujudkan termasuklah suku Sungai Napar, suku Jambah, suku Sumagek, suku Mandaliko, suku Bodi Supanjang, suku Kampai, suku Balai Gamba, suku Singkuang, suku Sumpu dan suku Kuti Anyie.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa suku di Minangkabau cukup banyak dan tumbuh mengikut keadaan dan masanya. Bukan semua suku di Minangkabau ini ada di Negeri Sembilan kerana sebahagian sahaja yang merantau ke negeri ini, lalu membentuk suku-suku yang sentiasa berkembang hingga ke hari ini.

Undang-undang Adat Perpatih

Undang-undang Adat Perpatih dalam manuskrip tambo ini ada menceritakan tentang penghulu, iaitu seperti sabda Nabi Muhammad SAW, “Barang siapa memerintah segala kaumnya maka ia adalah penghulu”. Jadi pesanan ini ditujukan kepada individu yang dikatakan pemimpin, apatah lagi yang menjawat jawatan penghulu. Penghulu merangkumi empat perkara, iaitu penghulu, pengalah, penguluh, dan pengalih.

Dalam hal ini, seseorang pemimpin wajiblah memiliki “pakaian”, iaitu “pakaian batin”, yang lazim disebut sebagai sifat dan keperibadian terpuji yang



Empat jenis penghulu yang ditulis dalam tambo.

sentiasa melekat dalam dirinya. "Pakaian" ini secara cermat dan indah dikekalkan dalam teromba adat yang berbunyi;

Memakai syarak lahir dan batin Imannya tebal adat pun kental Taqwanya nampak ilmu pun banyak Berdada lapang berfikiran panjang Bermuka jernih berlidah fasih Berpendirian teguh berakal senonoh Berpijak tidak berkisar Bercakap tidak beralih.

(Tenas Effendy, 2000)

Erti penghulu ialah memerintah segala kaumnya seperti kasihnya nabi terhadap umatnya, manakala pengaluh jikalau kata nabi sekalipun disalahkan juga, pengalah pula mengikut atau mengikat kata sahaja, dan pengalih tiada teguh terhadap janji sesama Islam. Maka itu, adapun sebenar-benar penghulu menyuruh untuk berbuat baik dan menegah berbuat jahat.

Penghulu yang benar-benar memegang fungsi dan tugasnya akan menyelamatkan negeri dan membuat keamanan dalam negeri. Keamanan ini sangat penting. Zaman dahulu para penghulu benar-benar memegang tugasnya dengan taat sehingga keamanan dapat diwujudkan. Oleh sebab

itu, tidak diperlukan polis untuk menjaga keamanan dan tidak juga diperlukan tentera.

Dalam manuskrip tambo ini juga ada diceritakan perkahwinan Iskandar Zulkarnain dengan Puteri Raja Rom dan akhirnya melahirkan Maharaja Dipang, Maharaja Alif dan Sutan Seri Maharaja Diraja. Maharaja Dipang telah mentadbir di negara China, Maharaja Alif di Eropah terutama di Rom dan Sutan Seri Maharaja Diraja telah sampai ke Pulau Jawi, iaitu tanah yang kita menetap sekarang ini. Baginda telah diiringi oleh 16 orang pengiring, antaranya termasuklah Anjing Mualim, Kucing Siam, Harimau Campa dan Kambing Hutan.

Kambing Hutan dan pengikutnya telah membuka 50 koto dan daripada 50 koto inilah mereka meneroka Negeri Sembilan, lalu mewujudkan adat Perpatih dengan

nama suku mengikut tempat mereka datang. Wujudlah suku Seri Melenggang, suku Paya Kumbuh, suku Tiga Batu, suku Batu Belang, suku Batu Hampar, suku Tiga Nenek, suku Seri Lemak, suku Mungkal dan suku Tanah Datar dari Tanah Datar, suku Anak Acheh dari Acheh, suku Anak Melaka dari Melaka dan Suku Biduanda yang berasal dari Negeri Sembilan.

Duli Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, iaitu Raja Melewar, Raja Hitam dan Raja Lenggang dijemput dari tanah Minangkabau. Undang-undang adat yang diamalkan di Negeri Sembilan adalah Undang-undang Adat Perpatih dan Undang-undang Adat Temenggung yang dibawa dari Minangkabau. Negeri lain di Malaysia mengamalkan adat Melayu mengikut negeri dan bukan berdasarkan adat Temenggung.

Adat Perpatih berjinjang naik dan adat Temenggung bertangga turun. Adat Perpatih ini bersifat matrilineal dan adat yang diamalkannya bermaksud tatacara kehidupan yang berbentuk perlembagaan yang nampak dan tidak nampak. Dato Perpatih Sebatang bermaksud seorang sahaja dan apabila berkata sudah pasti diterima oleh semua orang.

محمياي بجار ادخون برنام
ملتلكن كل قومك مكرنايك
نماي كتيك فقولع نماي كامف
جكوكا بن كليفون دسا
ادخون كسبر فقولع

Yang menariknya, dalam tambo ini ada ditunjukkan cap mohor yang mempunyai lapan kelopak sebagai gambaran Pagar Ruyung. Amat jelas nama dalam cap tersebut ialah Sultan Maharaja Diraja Sultan Abdul Jalil.

Rata-rata dalam manuskrip tambo ini menggelar pembina Undang-undang Adat Perpatih sebagai Dato Perpatih Sebatang dan bergabung dengan Dato Ketemenggungan. Adat Perpatih berjinjang naik dan adat Temenggung bertangga turun. Adat Perpatih bersifat matrilineal dan adat yang diamalkannya bermaksud tatacara kehidupan yang berbentuk perlembagaan yang nampak dan tidak nampak. Dato Perpatih Sebatang bermaksud seorang sahaja dan apabila berkata sudah pasti diterima oleh semua orang.

Dato Perpatih Nan Sebatang pula ramai dan muncul pada abad selepasnya. Adat yang diamalkan adalah adat yang sebenar adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat. Semuanya

adalah berpaksi kepada adat bersendi syarak dan syarak bersendi Kitabullah.

Dato Ketemenggungan yang berasal dari Minangkabau bukan pengasas undang-undang adat bagi masyarakat Melayu, Aceh, Bugis dan sebagainya. Beliau hanya pengasas undang-undang adat masyarakat Minangkabau dan seterusnya dikenali sebagai adat Temenggung. Undang-undang Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka adalah contoh undang-undang Melayu.

Undang-undang Melayu terbahagi dua, iaitu yang pertamanya, "Undang-undang Adat Melayu", iaitu semua naskhah yang lahir daripada adat budaya hidup masyarakat Melayu di Alam Melayu termasuklah Aceh, Bugis dan lain-lain lagi yang diamalkan adat Melayu. Yang keduanya, "Undang-undang Adat Minangkabau", iaitu semua naskhah yang berasaskan adat budaya hidup masyarakat Alam Minangkabau yang diasaskan Dato Perpatih (adat Perpatih) dan Dato Ketemenggungan (adat Temenggung), sama ada ditulis di Minangkabau atau di luar Minangkabau.

Dalam tambo ini juga terdapat Undang-undang Sembilan Pucuk yang menjadi panduan dalam adat Perpatih dan wajar dihayati secara tersurat dan tersirat untuk dijadikan sebagai panduan. Sekalian peraturan dan undang-undang dalam segala bidang sudah termasuk dalam pembahagian yang sembilan itu. Apabila manusia

Penghulu yang benar-benar memegang fungsi dan tugasnya akan menyelamatkan negeri dan membuat keamanan dalam negeri. Keamanan ini sangat penting. Zaman dahulu para penghulu benar-benar memegang tugasnya dengan taat sehingga keamanan dapat diwujudkan. Oleh sebab itu, tidak diperlukan polis untuk menjaga keamanan dan tidak juga diperlukan tentera.

mematuhi yang sembilan ini, maka damailah masyarakat dan tenteram dalam masalah apa-apa pun juga. Undang-undang Sembilan Pucuk ini setiap undang-undangnya mengandungi 500 pula anaknya. Setiap undang-undang ini sangat berguna dalam adat Perpatih kerana dapat membentuk masyarakat adat Perpatih yang beradab, berbudi, bersopan dan juga bersantun.

Undang-undang Sembilan Pucuk

- Pertama, undang-undang takluk kepada raja.

د فديوة فقولع اولم جاتي بيلع فندي شيوم فكر يا اتولوا اتولا رسي الكنا جاد خليفه اولم راج الكنا مند
جان فقولع موققع ايسر فكري كمهاش لكلاكر دان فرمغون مكر ديد كين لسبال كغد ننا اسسي فكري بو شعيا و الكنا
رله جاد خليفه اولم راج مكر ما يكيه
ادخون كرجان مكر فائكر فقولع فدي شيوم فكري همهاش ما يسي كغد فكري جكوكا بن كليفون دسا
7

Kewujudan jawatan penghulu turut dinyatakan dalam tambo.

Perlu juga dijelaskan bahawa adat Perpatih dan adat Temenggung selalu bertolong bantu, dan bukannya bermusuhan, dan mereka juga saling memerlukan walaupun adat Perpatih berjenjang naik dan adat Temenggung bertanggung turun. Maka itu, manuskrip *Tambo Alam Minangkabau* yang dikaji ini sungguh bermanfaat dan merupakan usaha awalan penulis untuk menganalisis Undang-undang Adat Perpatih yang terdapat di dalamnya.

- Kedua, undang-undang takluk kepada kepala atau penghulu.
- Ketiga, undang-undang takluk kepada sekalian alim dan ulama yang bertugas sebagai hakim dan kadi
- Keempat, undang-undang takluk kepada segala jenis permainan atau disiplin olahraga.
- Kelima, undang-undang takluk kepada bunyi-bunyian.
- Keenam, undang-undang takluk kepada sekalian keramaian.
- Ketujuh, undang-undang takluk kepada yang bertugas dalam bidang apa-apapun di bawah kolong langit ini.
- Kelapan, undang-undang

- takluk kepada kebesaran.
- Kesembilan, undang-undang takluk kepada segala manusia.

Semua bentuk peringatan dalam manuskrip ini patut dijadikan peraturan dan undang-undang yang perlu dihayati dalam adat Perpatih kerana semuanya bertujuan untuk membawa masyarakat ke arah kebaikan dan cemerlang di dunia dan akhirat. Jika kita menjadi rakyat atau pemimpin, maka peringatan inilah yang perlu dikuasai dan diamalkan secara ikhlas dan beramanah.

Kekuatan adat Perpatih banyak menerima pengaruh daripada dua naskah induk adat Perpatih, iaitu Undang-undang Minangkabau dan Tambo Alam Minangkabau. Kedua-dua mengandungi pelbagai

aspek amalan, kepercayaan dan falsafah hidup masyarakat adat Perpatih termasuklah dalam hal pemerintahan dan penentuan hukum.

Undang-undang Minangkabau turut menyatakan amalan hukum berasaskan dua sumber utama, iaitu hukum adat dan hukum syarak. Hukum syarak bersumberkan al-Quran dan hadis, manakala hukum adat adalah warisan daripada Dato Ketemenggungan dan Dato Perpatih Sebatang. Sekiranya disusun semula sejarah awal undang-undang adat ini dari Mercu Gunung Merapi, dapat diandaikan undang-undang tersebut sudah bermula sejak sebelum kedatangan Islam. Ciri-ciri keaslian undang-undang ini begitu ketara melalui pepatah-petitih adat yang diungkapkan, tersusun dalam



Masyarakat Negeri Sembilan kaya dengan warisan adat dan tradisi.

SUKU DI NEGERI SEMBILAN

- 1 TANAH DATAR
- 2 BATU HAMPAR
- 3 SERI LEMAK (SOLOMAK MINANG)
- 4 ANAK MELAKA
- 5 MUNGKAL
- 6 PAYAKUMBUH
- 7 SERI MELENGGANG
- 8 TIGO BATU
- 9 TIGO NENEK
- 10 ANAK ACEH
- 11 BATU BELANG
- 12 BIDUANDA

aturan cupak, gantang, kata pusaka dan sebagainya.

Hal tersebut tersurat menurut Edwar Djamaris, “Adapun hukum dua perkara pertama hukum adat, kedua hukum syarak. Adapun hukum pada adat itulah nan kita terima daripada nenek kita Dato Ketemenggungan dan Dato Perpatih Sebatang ialah enam perkara, iaitu pertama, cupak yang asli, kedua, cupak buatan, ketiga, kata pusaka, keempat, kata muafakat, kelima, kata dahulu ditepati dan keenam ialah kata kemudian kata bercari.”

Diceritakan juga dalam manuskrip tambo ini apabila anak sendiri tidak mahu menjadi landasan perahu, maka anak buah yang berkorban supaya perahu Dato Perpatih Sebatang dapat belayar diputuskan bahawa yang bakal menerima harta pusaka nanti ialah anak buah yang sanggup berkorban itu. Anak sendiri yang tiada pengorbanannya, maka tidak layak mendapat harta pusaka dan keputusan yang diambil ini juga setelah diminta pendapat cerdik

pandai, iaitu Cati Bilang Pandai dan bukan keputusan sendiri sahaja. Sebagai ertinya, ada muafakat untuk mencari suatu keputusan yang terbaik dan inilah yang menjadi panduan dalam membahagikan harta pusaka.

Diharapkan banyak penambahbaikan dapat dijalankan dalam adat Perpatih supaya dapat dirujuk melalui sumber bertulis dan bukan sekadar daripada sumber lisan sahaja. Dapatan tentang Undang-undang Sembilan Pucuk haruslah

digunakan dengan sebaik-baiknya dalam adat Perpatih. Semuanya sangat berkait rapat dengan pemurnian adat tersebut apabila hendak dibudayakan. Dapatan seterusnya ialah tentang gelaran tokoh adat sebenarnya ialah Dato Perpatih Sebatang yang lebih awal lahir dan kemudiannya baharulah Dato Perpatih Nan Sebatang. Hal ini haruslah diambil berat dan diperbetulkan.

Pesanan dan amanat Dato Perpatih dan Dato Ketemenggungan juga patut dijadikan panduan kerana dalamnya terdapat nilai-nilai pendidikan yang dapat dijadikan panduan oleh pemimpin dan juga rakyat. Menjadi pemimpin haruslah menjunjung amanah dan menjalankan amanah. Menjadi rakyat pula perlu berpegang pada budi, adab, sopan dan juga santun supaya tidak beraja di mata dan juga bersultan di hati.

Perlu juga dijelaskan bahawa adat Perpatih dan adat Temenggung selalu bertolong bantu, dan bukannya bermusuhan, dan mereka

juga saling memerlukan walaupun adat Perpatih berjenjang naik dan adat Temenggung bertanggung turun. Maka itu, manuskrip *Tambo Alam Minangkabau* yang dikaji ini sungguh bermanfaat dan merupakan usaha awal penulis untuk menganalisis Undang-undang Adat Perpatih yang terdapat di dalamnya. Banyak perkara besar telah ditemukan yang patut dipaparkan terhadap khalayak dan juga pengamal adat itu sendiri. Sebagai cadangannya, kajian lanjut haruslah dijalankan terhadap manuskrip *Tambo Alam Minangkabau*, termasuklah dibuat bandingan dengan tambo-tambo yang lain dan dilihat dari segi falsafah dan makna tersirat yang terdapat di dalamnya.

Sebagai kesimpulannya, manuskrip ini amat bernilai tinggi kerana banyak fakta terbaik dalam adat Perpatih yang dapat dijadikan panduan. Di samping itu, dapatan kajian manuskrip ini perlu dibahaskan lagi sehingga banyak falsafah dan makna yang tersirat dapat dibudayakan dalam masyarakat adat, seterusnya melahirkan masyarakat yang beradab, berbudi, bersopan dan juga bersantun.

Manuskrip *Tambo Alam Minangkabau* ini juga membuktikan bahawa hubungan adat antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan sememangnya tidak dapat dipisahkan. Di samping itu, kita dapat gambaran bahawa Minangkabau sudah ada tamadun dan peradaban yang begitu tinggi sejak sekian lama, terutama semenjak zaman kerajaan Dahamasraya sehinggalah kepada zaman kerajaan Pagar Ruyung, seterusnya memiliki rantau yang terbaik seperti Negeri Sembilan yang maju hingga sekarang. **DB**